

22 JAN 1997

USAHA SAMA TONGKAH-OTTO BUAT KELENGKAPAN PELUPUSAN SISA

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd, menerusi anak syarikat pembuatannya, Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd, telah menubuhkan 51-49 peratus usaha sama dengan Otto Holding International dari Jerman untuk mengeluarkan kelengkapan pelupusan sisa pepejal.

Usaha sama itu, Tongkah-Otto (M) Sdn Bhd, akan beroperasi di kilang berharga RM35 juta yang sedang dibina di kawasan perindustrian Bukit Tengah, Pulau Pinang, berhampiran dengan Tongkah Moulding Technologies.

Pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif kumpulan syarikat Tongkah, Mokhzani Mahathir, berkata kilang tersebut akan siap pada Mac ini dan pengeluaran awal dijangka pada Mei.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perjanjian usaha sama itu, beliau berkata bagi enam bulan pertama operasi, syarikat itu akan mengeluarkan 190,000 tong sampah bergerak dua roda dan empat roda diikuti oleh perkakasan kejuruteraan alam sekitar dalam bulan-bulan berikutnya.

Upacara pemeteraian usaha sama itu disaksikan oleh Datuk Ting Chew Peh, menteri perumahan dan kerajaan tempatan dengan Otto diwakili oleh pengarah bagi eksport antarabangsa, Lucien Rosler.

Mokhzani berkata spesifikasi reka bentuk produk mereka direka memenuhi syarat projek pengurusan sisa kebangsaan akan datang.

Tambahnya gabungan Tongkah-Otto adalah usaha sama yang kedua bagi Tongkah Moulding Technologies, yang modal berbayarnya sebanyak RM2.5 juta.

Mokhzani berkata kumpulan Tongkah akan terus melabur dalam teknologi berkaitan yang membolehkannya menyediakan perkhidmatan nilai ditambah yang lebih tinggi kepada para pelanggannya.

Pada masa ini, kumpulan itu berjaya mempelbagaikan kegiatannya ke bidang pembuatan, teknologi maklumat, kewangan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Ditanya mengenai penyeneraian anak syarikat Tongkah, iaitu THB Industries, beliau berkata cadangan itu telahpun dikemukakan kepada pihak berkuasa dan berharap ia akan selesai dalam beberapa bulan lagi.

"Mungkin kita akan menyenaraikan THB Industries terlebih dahulu, manakala dua lagi anak syarikat juga layak disenaraikan," tambahnya.

Sementara itu, Datuk Ting berkata kerajaan masih berbincang dengan sebuah konsortium untuk menswastakan pengurusan sisa-sisa pepejal serta menentukan peraturan baru berhubung dengan pengurusan sisa berkenaan.

Konsortium itu terdiri daripada Hicom Bhd, Malaysia Mining Corporation, Consec Gali Sdn Bhd dan Rumpun Hijau Sdn Bhd.

Bagaimanapun, perbincangan itu belum lagi mencapai kata putus, katanya.

Jika sudah mencapai kata sepakat, rang undang-undang mengenai pengurusan tersebut akan dimajukan kepada Kabinet sebelum di bantangkan di parlimen seawal-awalnya Oktober ini. -- BERNAMA

AA MA/sia